

08 MAR 1998

Ekspedisi - Kutub Utara

WANITA ASIA PERTAMA BUAT TERJUNAN DI KUTUB UTARA

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- Seorang pegawai pentadbiran di Persekutuan Payung Terjun Malaysia (MPF), Nordziah Mohd Noor, 39, akan menjadi wanita Asia pertama membuat penerjunan di Kutub Utara, pada 18 April ini.

Ketua Ekspedisi Terjun Kutub Utara, Abdul Rahim Dahalan berkata Nordziah bersama 14 anggota ekspedisi lain akan membuat penerjunan dari ketinggian 3,500 meter dan pendaratan berdekatan dengan Lapangan Terbang Ais, milik tentera Rusia.

Ekspedisi itu bertujuan bagi membuktikan Malaysia mampu menjadi negara Asia yang pertama membuat penerjunan di Kutub Utara, di samping menunjukkan keupayaan rakyat negara ini dalam penerokaan mereka ke seluruh pelusuk dunia, terutamanya selepas kejayaan projek Everest tahun lepas.

"Selain Nordziah anggota lain terdiri daripada anggota komando Tentera Udara, Darat, Laut serta Polis dan Kelab Payung Terjun Wilayah Persekutuan," katanya semasa mengetuai anggota ekspedisi membuat latihan penerjunan di Taman Tasik Titiwangsa, di sini hari ini.

Abdul Rahim yang juga Presiden MPF berkata selain Taman Tasik Titiwangsa, anggota ekspedisi juga akan mengadakan latihan di lapangan terbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Sungai Besi pada 21 dan 22 Mac.

Anggota ekspedisi akan bertolak ke Moscow pada 1 April dan dari sana mereka akan berlepas ke Khatanga, sebuah pekan kecil di Siberia, Rusia, katanya

"Dari Khatanga anggota ekspedisi akan menaiki pesawat Antonov 124 yang akan membawa mereka ke pusat penerjunan di Kutub Utara, iaitu kira-kira lapan jam penerbangan dari Khatanga," katanya.

Ekspedisi itu akan dilancarkan secara rasmi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 30 Mac ini. -- BERNAMA

NY RI